

**ANALYSIS OF THE DEVELOPMENT OF CARAVANSERAI AS A TOURISM CENTER  
IN IRAN AND TURKEY**

**ANALISIS PERKEMBANGAN CARAVANSERAI SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN DI IRAN  
DAN TURKI**

Aina Zafirah Samsudin<sup>i</sup> & Roziah Sidik @ Mat Sidek<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pelajar Sarjana, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). ainazaffirah@gmail.com

<sup>ii</sup> Felo Kanan Bersekutu, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). roziah@ukm.edu.my.

<b>Abstract</b>	<p><i>Caravanserai is an Islamic architecture that has existed since the reign of Caliph Umar bin al-Khattab and remains to this day. Caravanserai was built as a stopover and resting place for traders in addition to highlighting certain elements of architectural art according to the times. In addition to being a stopover, caravanserai is seen to be able to be a tourist destination that provides the opportunity to explore more closely the history and culture found in it. This study aims to describe the development of caravanserai as a tourism center with a focus on the countries of Iran and Turkey. This qualitative study uses a content analysis study design and a historical study. The information and data in this article were obtained from various reference sources among journal articles, encyclopedias, reference books, dissertations, and theses that are seen as relevant and related to the title of this article. The results of this study show that a caravanserai is a temporary accommodation that has been equipped with various other facilities and suitable to be the main catalyst for the growth of tourism and culture in a region and can promote the uniqueness of the architecture, history, and culture in the area.</i></p> <p>Keywords: <i>Caravanserai, Art, Tourism, Islamic, Civilization.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Caravanserai merupakan sebuah seni bina Islam yang telah wujud sejak zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab dan masih kekal hingga ke hari ini. Pada dasarnya, caravanserai dibina sebagai tempat persinggahan dan istirehat para pedagang di samping menonjolkan elemen-elemen kesenian seni bina tertentu mengikut zaman. Selain menjadi tempat persinggahan, caravanserai dilihat mampu menjadi sebuah destinasi pelancongan yang menyediakan peluang untuk mengeksplorasi dengan lebih dekat sejarah dan budaya yang terdapat padanya. Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan perkembangan caravanserai sebagai sebuah pusat pelancongan dengan memfokuskan kepada negara Iran dan Turki. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian analisis kandungan dan kajian sejarah. Maklumat dan data dalam penulisan ini diperolehi daripada pelbagai sumber rujukan. Antaranya ialah artikel jurnal, ensiklopedia, buku rujukan, disertasi dan tesis yang dilihat relevan dan berkaitan dengan tajuk artikel ini. Hasil kajian mendapati bahawa caravanserai pada asasnya sebagai tempat penginapan sementara telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan lain dan sesuai dijadikan pemangkin utama pertumbuhan sektor pelancongan dan</i></p>

	<i>kebudayaan di sesebuah wilayah serta dapat mempromosikan keunikan seni bina, sejarah dan budaya di kawasan tersebut.</i>
--	---

	Kata kunci: <i>Caravanserai, Kesenian, Pelancongan, Tamadun, Islam.</i>
--	---

## PENGENALAN

*Caravanserai* merupakan sebuah tempat persinggahan para pelayar, peniaga, orang yang mahu menunaikan ibadah haji dan juga pengembara untuk berehat. Terdapat pelbagai kemudahan disediakan di *caravanserai* seperti bilik, kandang, kedai dan ruangan untuk menyediakan makanan. Bagi sesetengah *caravanserai* yang moden, ia telah dilengkapi dengan pelbagai fasiliti didalamnya seperti farmasi, tempat membaiki kenderaan dagangan dan sebagainya. Jadi para pengembara tidak perlu risau jika singgah di *caravanserai* kerana semua kelengkapan yang diperlukan sudah disediakan (Sims, 1995). Selain itu, penulis menemukan bahawa terdapat empat jenis sebutan lain bagi *caravanserai* iaitu *caravansary*, *caravansaray*, *caravanseray* dan *caravansara*. Kesemua empat jenis sebutan ini membawa konotasi yang sama dengan *caravanserai* iaitu tempat penginapan atau istirehat para pedagang.

Pernyataan *caravanserai* merupakan gabungan daripada *caravan* dan *saray*. Menurut Yilmaz et al. (2008), *caravan* di sini merujuk kepada sekumpulan manusia yang mengembara bersama dan kebiasaannya mereka ini terlibat dengan ekspedisi perdagangan manakala *saray* pula bermaksud istana. Oleh itu, *caravanserai* umpama istana bagi pengembara di mana mereka boleh beristirehat dan menikmati perkhidmatan yang disediakan di tempat tersebut. Seterusnya, *caravanserai* juga turut dikaitkan dengan kawalan keselamatan kepada kumpulan pedagang yang singgah di tempat tersebut. Berdasarkan maklumat daripada Dinc et al. (2012), pedagang biasanya membawa barang dagangan yang mahal dan mewah seperti sutera dan barang perhiasan. Hal ini menyebabkan mereka sering menjadi sasaran utama perompak dan terdedah dengan isu keselamatan yang tidak terjamin. Melihatkan kepada situasi ini, pemerintah mula menyedari kepentingan memastikan keselamatan para pedagang yang membawa barangan mewah agar tiba di destinasi dengan selamat bersama barang dagangan mereka. Sehubungan dengan itu, terdapat sesetengah *caravanserai* yang dibina bersama dengan benteng pertahanan bagi menjamin keselamatan para pedagang beserta barang dagangan yang dibawa bersama. Sebagai contoh, *Caravanserai* Maranjab di Iran.

Justifikasinya, penulisan ini akan menghuraikan dengan lebih jelas dan terperinci mengenai definisi *caravanserai* dan perkembangan *caravanserai* sebagai sebuah pusat pelancongan di dua buah negara iaitu Iran dan Turki. Penekanan kepada dua buah negara ini berdasarkan pemerhatian daripada penulis yang mendapati bahawa terdapat banyak *caravanserai* di Iran dan Turki yang telah dinaiktaraf menjadi sebuah pusat pelancongan pada hari ini serta mendapat pengiktirafan *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) sebagai Tapak Warisan Dunia. Penulisan ini juga akan disertakan dengan gambar rajah *caravanserai* bagi memberikan gambaran yang jelas mengenai setiap struktur seni bina *caravanserai* tersebut.

## DEFINISI CARAVANSERAI

Menurut *Oxford University Press* (2018), istilah *caravanserai* bermaksud tempat perlindungan (disebut juga sebagai *funduq*, *khan*, *han* atau *ribat*) untuk karavan (pedagang, jemaah haji atau pengembara) di Afrika Utara atau Asia Barat. Bentuk seni bina *caravanserai* yang biasa digunakan adalah seperti kandang yang berdinding segi empat tepat dengan laman yang luas dan dilengkapi dengan bekalan air, dapur, masjid dan tempat tidur. UNESCO *Silk Road Program* pula mendefinisikan *caravanserai* sebagai '*large guest houses or hostels designed to welcome traveling merchants and their caravans*' (UNESCO, t.th.). Berdasarkan *National Geographic* (2022) pula, *caravanserai* didefinisikan sebagai penginapan tepi jalan di sepanjang laluan perdagangan utama seperti Laluan Sutera yang berfungsi sebagai pusat pertukaran barang, idea dan budaya.

Terdapat juga beberapa sarjana yang telah menghuraikan definisi *caravanserai* di dalam kajian mereka. Antaranya ialah Kiani dan Kleiss (1990) yang menyatakan bahawa perkataan *caravanserai* merujuk kepada sebuah bangunan yang berfungsi sebagai tempat penginapan di Timur. Ia juga menyediakan tempat penginapan untuk komersial, jemaah haji, pos dan terutamanya para pelancong. Selain itu, definisi *caravanserai* pada pendapat Sims (1995) pula ialah sebuah tempat persinggahan para pedagang atau pengembara dan orang yang mahu menunaikan ibadah haji untuk berehat sebelum meneruskan perjalanan mereka. Pelbagai perkhidmatan dan kemudahan disediakan di sini seperti tempat beristirahat, makanan dan hiburan secara percuma selama tiga hari. Yilmaz et al. (2008) dan Krawietz dan Riedle (2019) pula menjelaskan bahawa *caravanserai* merujuk kepada istana bagi pengembara untuk beristirahat. Ini berdasarkan kepada gabungan dua perkataan iaitu *caravan* dan *saray* yang merujuk kepada sekumpulan manusia yang mengembara dan juga istana. Namun, istilah *caravanserai* dalam konteks kajian ini akan membincangkan dan menumpukan kepada *caravanserai* yang berfungsi sebagai tempat pelancongan.

Oleh itu, boleh dirumuskan di sini bahawa konsep *caravanserai* membawa gambaran kepada suatu tempat berlindung. Ia dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak termasuk pedagang, jemaah haji mahupun pelancong. Dengan itu, *caravanserai* memberi kesan kepada kehidupan masyarakat terutama dari sudut politik, ekonomi dan juga budaya.

### **ANALISIS PERKEMBANGAN CARAVANSERAI SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN DI IRAN DAN TURKI**

*Caravanserai* pada asasnya dibina sebagai tempat persinggahan sementara. Namun, fungsi ini semakin berkembang dengan terdapatnya pelbagai kemudahan sehinggakan *caravanserai* mampu menjadi daya tarikan pelancong dari dalam dan luar negara. Hasil daripada analisis kandungan yang dilakukan, penulis menemukan dapatan bahawa terdapat enam buah *caravanserai* yang menjadi daya tarikan pelancong di negara Iran dan Turki seperti berikut:

#### ***Caravanserai* di Iran**

*Caravanserai* adalah monumen bersejarah Iran yang telah dibina berabad-abad yang lalu untuk kemudahan dan keselesaan para pedagang dan pelancong. Sehingga abad ke-18 terdapat kira-kira 1800 buah *caravanserai* telah dibina di wilayah Isfahan (Bakhtiari & Allahyari, 2018). Antaranya ialah *Caravanserai* Maranjab. Ia dibina pada era pemerintahan kerajaan Safavid (1501-1736). *Caravanserai* ini dibina di tengah Padang Pasir Aran-Bidgol berhampiran dengan air tawar dan Qanat di selatan Salt Lake.

Gambar 1: *Caravanserai* Maranjab



Sumber: <http://wikimapia.org/>

Monumen bersejarah ini dibangunkan seluas 3500 meter persegi dengan enam menara dan 29 bilik di sekitar halaman seluas 60 meter persegi dan ia juga dilengkapi

dengan bangsal untuk menjaga binatang pengembara seperti kuda dan keldai. Dari segi pelan struktur bangunan *caravanserai* pula, ia dijelaskan oleh Bakhtiari dan Allahyari (2018) seperti berikut:

*“All rooms have three steps from the courtyard floor. The roof of the caravanserai is paved with bricks and mounted on the wall around the roof of the cabin for watching and shooting. Materials used in the construction of Maranjab Caravanserai are from brick, stone, and tile”.*

Kelebihan *caravanserai* ini ialah kedudukannya yang berada di Laluan Sutera dan ia berfungsi sebagai penginapan tepi jalan untuk para pedagang dan pelancong pada waktu itu untuk beristirahat dalam perjalanan mereka ke Khurasan, Ray dan Isfahan. Pada waktu yang sama, ia juga berfungsi sebagai menara kawalan untuk memastikan keselamatan di wilayah Isfahan.

Pada tahun 1999, *caravanserai* ini diubahsuai atas perintah Kementerian Warisan Budaya, Kraftangan dan Pelancongan Iran setelah bertahun-tahun rosak dan terbengkalai. Pengubahsuaian ini mengambil masa selama empat tahun dan siap sepenuhnya pada tahun 2003. Setelah aktiviti pengubahsuaian siap dijalankan, *Caravanserai* Maranjab masih berfungsi sebagai kemudahan penginapan. Meskipun demikian, fungsi ini semakin berkembang sehingga *Caravanserai* Maranjab hari ini digunakan sebagai kompleks pelancongan. Menurut *Tehran Times* (2021), *Caravanserai* Maranjab telah tercatat dalam senarai “National Heritage” pada tahun 2005. Fungsinya dalam pelancongan masih berterusan pada hari ini.

Kini, para pelancong yang berkunjung ke Gurun Maranjab memilih untuk menetap di *caravanserai* ini. Gurun Maranjab adalah salah satu padang pasir yang paling indah dan menakjubkan di Iran (Bakhtiari & Allahyari, 2018). Terdapat pelbagai tarikan pelancongan semula jadi di gurun ini seperti kepelbagaian spesies haiwan, tumbuh-tumbuhan, sebahagian besar padang pasir ditutupi dengan bukit-bukit berpasir (*Tehran Times*, 2017). Dari segi keunikan seni bina, *caravanserai* ini hanya memiliki satu hiasan seni bina sahaja iaitu lengkungan buatan batu bata pada pintu masuk bilik seperti yang ditunjukkan pada gambar di bawah.

Gambar 2: Pintu masuk *Caravanserai* Maranjab



Sumber: <https://iranparadise.com/>

*Caravanserai* Zeinodin pula ialah salah satu *caravanserai* paling unik dan menakjubkan di Iran yang wujud sekitar 400 tahun yang lalu dan merupakan salah satu daripada 999 *caravanserai* yang dibina di Iran. Ia dibina pada zaman safavid semasa pemerintahan Shah Abbas I (1571-1629). *Caravanserai* ini terlerak di Laluan Sutera, iaitu 50 kilometer dari bandar Yazd. *Caravanserai* ini juga dibina seluas 1500 meter persegi dan

mempunyai lima menara, 12 *ivan*<sup>1</sup> serta dilengkapi dengan 14 bilik. Ia dibina oleh Sultan Mohammad Yazdi, iaitu salah seorang arkitek yang membina Ganjali Khan di Kerman (Mirgholami et al., 2014). Terdapat pelbagai jenis sebutan bagi *caravanserai* ini yang ditemui antaranya ialah Zein-o-din, Zeynol din, Zayn al-Din, Zainedin dan Zeinodin. *Caravanserai* yang berfungsi sebagai tempat penginapan ini dibina dengan pelan struktur bangunan yang berbentuk bulat dan lima menara separuh bulat menggunakan batu bata. Hanya terdapat dua buah *caravanserai* sahaja yang dibina pada abad ke-16 dengan pelan struktur bangunan berbentuk bulat di Iran. Ia dapat dibuktikan lagi dengan penulisan Moshtagh (2008) seperti berikut:

*“This Rebat and Rebat of Zize in Kashan are the only Rounded Rebats in Iran. Rebat of Zainedin has a area of 1500 square meter and has five towers. Its Capital gate is located in the south and also has Badgir (wind tower).”*


Gambar 3: *Caravanserai* Zeinodin



Sumber: <https://www.persiaadvisor.travel/>

Pada tahun 2006, *Caravanserai* Zeinodin telah menerima anugerah “Best Recovery Award” oleh UNESCO. *Caravanserai* ini telah diubahsuai selama tiga tahun di mana 13000 batu apung digunakan untuk membersihkan kotoran yang terdapat di dinding *caravanserai*. Hasilnya, kebanyakan ruang kelihatan seperti ketika *caravanserai* ini dibina. Pada hari ini, bilik-bilik yang terdapat didalamnya telah digunakan sebagai ruang makan. Bahagian-bahagian dalam *caravanserai* ini turut dihiasi dengan pintu kayu, langsir kasmir, pemauidani tenunan tangan dan kusyen yang indah untuk para pelancong yang berkunjung untuk berehat. *Caravanserai* ini dapat memuatkan kira-kira hampir 100 orang pelancong dalam satu-satu masa.

Gambar 4: Bahagian dalam *Caravanserai* Zeinodin



Sumber: <https://www.tehrantimes.com/>

<sup>1</sup> Ruang berkubah yang terbuka ke halaman (Hattstein & Delius, 2004). Seperti yang ditunjukkan pada gambar 4.

Selain daripada seni bina yang mengagumkan, di kedua-dua sisi *caravanserai* ini terdapat tangga menuju ke bahagian atas yang disediakan kepada para pelancong untuk melihat langit dan pemandangan padang pasir yang menakjubkan pada waktu malam. Oleh hal yang demikian, tarikan ini secara tidak langsung dapat menarik para pelancong untuk menginap di *caravanserai* ini sekurang-kurangnya satu malam.

Satu lagi *caravanserai* yang ingin ditonjolkan di Iran ialah *Caravanserai Madar Shah*. Bangunan berusia 300 tahun ini terletak di tengah-tengah kota Isfahan. Menurut Hamrahi dan Manshad (2017), *caravanserai* ini dibina pada zaman pemerintahan raja Safavid yang terakhir iaitu Shah Sultan Hussein (1666-1768). Shah Sultan Hussein memberikan kompleks ini kepada ibunya dan disebabkan itu ia terkenal sebagai *Caravanserai Madar Shah*. Dapat disimpulkan bahawa perkataan “Madar” membawa maksud “Mother” dalam bahasa Inggeris. Hal ini dikatakan demikian kerana Bakhtiari dan Allahyari (2018) juga menyebut *caravanserai* ini sebagai *Caravanserai of Mother of Shah Sultan Hussein*.

*Caravanserai* ini berbentuk segi empat tepat yang terdiri daripada dua tingkat dan mempunyai empat anjung pada pelan struktur bangunan yang dihiasi dengan batu bata dan jubin. *Caravanserai* ini juga mempunyai sebuah aliran yang dikenali sebagai aliran Farshadi yang mengalir melalui halamannya. *Caravanserai* ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan antaranya ialah kedai, kandang dan tempat simpanan air. Seperti yang ditunjukkan pada gambar rajah di bawah ia merupakan ilustrasi yang digambarkan oleh Pascal Coste, iaitu seorang pelukis, arkitek dan orientalis Perancis yang melawat Isfahan pada tahun 1805.

Gambar 5: *Caravanserai Madar Shah*



Sumber: Bakhtiari & Allahyari (2018)

Pada tahun 1957, *caravanserai* ini dipulihkan dan dibina semula akibat daripada kemusnahan dan kerosakan yang berlaku. Projek ini merupakan pengalaman pertama bagi Isfahan dalam pembinaan semula *caravanserai* untuk tujuan pelancongan. Terdapat dua matlamat utama dalam pembinaan semula *caravanserai* Madar Shah ini iaitu untuk memelihara keaslian bahagian luar *caravanserai* dan penggunaan semula *caravanserai* ini sebagai bilik hotel. Segala proses pembinaan semula ini dibaiki dengan teliti dan bahagian *caravanserai* yang musnah telah dibina semula. Proses ini mengambil masa selama 8 tahun dan siap sepenuhnya pada tahun 1966. Selepas projek pemulihan dan pembinaan semula dilakukan, *Caravanserai Madar Shah* telah ditukar nama kepada Hotel Abbasi dan ia merupakan salah satu hotel paling mewah di Isfahan dan Timur Tengah serta hotel tertua di dunia.

Setelah berfungsi selama lebih 30 tahun, maka kebanyakan bahagian yang terdapat pada Hotel Abbasi telah rosak dan memerlukan penambahbaikan dan pembinaan semula. Justeru, *caravanserai* ini dipulihkan dan telah dinaiktaraf sebagai sebuah destinasi pelancongan pada tahun 2010 (Bakhtiari & Allahyari, 2018). Selain itu, *caravanserai* ini juga terkenal dari segi kemudahan dan tarikan pelancongan (Abbasian, 2019). Antara Infrastruktur dan kemudahan yang disediakan di Hotel Abbasi ialah pusat membeli-belah, tempat penginapan, restoran, taman permainan dan ruang rekreasi. Sebagai contoh kemudahan yang menjadi daya tarikan pelancong pada hari ini ialah restoran. Hal ini

dikatakan demikian kerana restoran ini memiliki suasana yang cantik dan indah kerana ia dihiasi dengan elemen klasik dan tradisional.

Gambar 6: Halaman Hotel Abbasi




Sumber: <https://i.pinimg.com/>

### **Caravanserai di Turki**

Turki merupakan antara negara yang mempunyai bilangan *caravanserai* yang banyak dan terdapat beberapa daripadanya telah diwartakan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO. Saoud (2004) berpendapat bahawa peranan pemimpin yang menggalakkan pembinaan *caravanserai* ini secara tidak langsung telah merencanakan jumlah pembinaan *caravanserai* di Turki. Antara *caravanserai* yang dibincangkan di sini ialah *Caravanserai* Sultan Han. *Caravanserai* ini dibina pada tahun 1229 oleh Sultan Seljuk Alaedin Keykubad I. Nama *caravanserai* ini diambil daripada kota Sultan Han yang terletak di antara Konya dan Aksaray, kira-kira 40 kilometer dari Aksaray dan 94 kilometer dari Konya (Gürani & Canbolat, 2012). Ia juga merupakan sebuah tempat persinggahan yang didirikan di Laluan Sutera. *Caravanserai* ini merupakan *caravanserai* terbesar di Turki dan salah satu daripada tiga *caravanserai* yang terdapat di Aksaray.

*Caravanserai* ini dibina seluas 4500 meter persegi oleh Abdurrahman bin Haflan, seorang arkitek daripada Damsyik. Halaman *Caravanserai* Sultan Han yang luas ini dikelilingi oleh pelbagai kemudahan seperti bilik penyimpanan, kandang dan dapur. *Caravanserai* Sultan Han ini turut dilengkapi dengan masjid kecil di tengah-tengah halaman yang digunakan oleh para pelancong untuk menunaikan solat. Keindahan seni bina *caravanserai* ini dapat dilihat pada pintu masuk *caravanserai* ini yang diperbuat daripada marmar dan batu ukiran seperti yang ditunjukkan pada gambar di bawah.

Gambar 7: Pintu utama *Caravanserai* Sultan Han



Sumber: <http://www.turkishhan.org/>

Selain itu, pengubahsuaian *caravanserai* ini dilakukan pada tahun 1278 semasa pemerintahan Giyaseddin Keyhusrev III. Namun, *caravanserai* ini telah diubahsuaikan sebanyak tiga kali. Terbaru adalah pada tahun 2009 (Polat, 2018). Pada hari ini, *Caravanserai* Sultan Han merupakan sebuah destinasi pelancongan utama di Turki dan menerima 500000 orang pelancong pada setiap tahun (*Daily Sabah*, 2019). Pada tahun 2014, *caravanserai* ini termasuk dalam senarai sementara sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO (*Hurriyet Daily News*, 2019).

Gambar 8: *Caravanserai* Sultan Han



Sumber: <http://www.madainproject.com/>

*Caravanserai* Zazadin Han pula dibina pada tahun terakhir pemerintahan Sultan Alaeddin Keykubad (1235-1236) dan siap sepenuhnya semasa pemerintahan anaknya, iaitu Giyaseddin Keyhusrev II. Terdapat dua inskripsi pada *Caravanserai* Zazadin Han ini yang pertama adalah di pintu masuk *caravanserai* dan yang kedua adalah di pintu tempat perlindungan. Kedua-dua inskripsi ini memberikan maklumat bahawa pembinaan *Caravanserai* Zazadin Han siap pada tahun 1236 iaitu semasa pemerintahan Sultan Alaeddin Keykubad, manakala pembinaan halaman dan kemudahan lain siap pada tahun 1237 iaitu semasa pemerintahan Sultan Giyaseddin Keyhusrev II. Dalam pada itu, nama Saadeddin Köpek juga tertera pada salah satu inskripsi yang menyatakan bahawa beliau sebagai pengasas *caravanserai* ini (Önge, 2004). Oleh sebab itu, *Caravanserai* Zazadin Han ini juga dikenali sebagai Saadeddin Köpek Khan. Kewujudan *Caravanserai* Zazadin Han ini dinyatakan oleh Önge (2004) sebagai "the symbol of the power and personality of Sadeddin Köpek".

Gambar 9: *Caravanserai* Zazadin Han



Sumber: <http://www.rehbername.com/>



Selain itu, *Caravanserai* ini terletak di Laluan Sutera, kira-kira 22 km dari Konya. Tujuan pembinaan *caravanserai* ini untuk digunakan ketika musim bunga dan musim panas (Yilmaz et al., 2008). Fungsinya pada ketika itu adalah sebagai sebuah tempat perhentian para pelancong. *Caravanserai* ini turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan antaranya ialah terdapat 24 bilik, bilik mandi, gudang dan kandang. Pelan struktur bangunan ini mempunyai dua menara di bahagian sudut dan 11 menara di bahagian luar dan dihiasi dengan seni bina zaman Seljuk. Tarikan yang terdapat pada *caravanserai* ini menurut Dogan (2019) ialah “with dark and light brown hand-cut stones on its walls, the caravansary takes its visitor back to the Seljuks era, and fascinates local and international tourists”. *Caravanserai* ini bukan sahaja terkenal dengan terdapatnya dua sultan yang menjadi penaung semasa pembinaannya bahkan juga terkenal dari segi seni binanya. Oleh itu, para pelancong yang melawati *Caravanserai* Zazadin Han secara langsung akan dapat menikmati dan mengagumi keindahan dan keunikan seni bina yang menggambarkan zaman Seljuk. Namun begitu, *Caravanserai* Zazadin Han ditutup sementara untuk proses pemulihan pada bulan September 2017 dan dibuka semula kepada para pelancong pada bulan Ogos 2019.

Gambar 10: Ruang dalam *Caravanserai* Zazadin Han



Sumber: <https://www.aa.com.tr/>

Seterusnya, satu lagi *caravanserai* yang terdapat di Turki ialah *Caravanserai* Akhan yang terletak di pintu masuk bandar Denizli. *Caravanserai* ini merupakan bangunan yang unik pada abad ke-13 di mana para pedagang, pengembara dan haiwan mereka berehat setelah melalui perjalanan yang panjang. Ia merupakan salah satu daripada 11 *caravanserai* yang dibina di Laluan Sutera. *Caravanserai* ini merupakan salah satu contoh *caravanserai* yang terbaik di Anatolia. Ia merupakan salah satu *caravanserai* terakhir Seljuk Anatolia yang masih berfungsi di Laluan Sutera. Menurut Kutlu (2009), *Caravanserai* Akhan juga disebut sebagai Goncali Han dan Bozhan.

Seni bina bangunan ini berbentuk segi empat dan mempunyai hiasan batu ukiran yang luar biasa dan mempunyai tarikan tersendiri kerana dindingnya yang berwarna putih. Monumen ini dibina seluas 1100 meter persegi semasa pemerintahan Sultan Izzeddin Keykavus II. *Caravanserai* ini mempunyai dua bahagian utama iaitu halaman dan tempat perlindungan. Tempat perlindungan ini dibina lebih awal iaitu pada tahun 1253 manakala halaman pula selesai dibina pada tahun 1254. Justeru, ia menunjukkan bahawa pembinaan *caravanserai* ini berlaku dalam dua peringkat. Kutlu (2009) turut menjelaskan mengenai bahan binaan yang digunakan pada *Caravanserai* Akhan seperti berikut:

*“...the construction material differs on the walls of the shelter and courtyard. Where as the shelter is built of many porous stone blocks, the courtyard has many whitish marble blocks. This must be one of the indicators of two construction stages”.*

Gambar 11: Caravanserai Akhan selepas pemulihan



Sumber: <https://www.tripadvisor.com/>

Pada tahun 2000, *Caravanserai Akhan* telah disenaraikan dalam “UNESCO Cultural Heritage Tentative List”. Pembinaan semula *caravanserai* ini telah dilaksanakan pada tahun 2008 untuk menambahbaik kerosakkan yang berlaku serta untuk aktiviti pelancongan kerana ia berada di Laluan Sutera (Yenipar, 2017). Para pelancong di *Caravanserai Akhan* pada hari ini boleh berehat, bermalam dan menikmati makanan sama seperti fungsinya pada abad ke-13. *Caravanserai Akhan* pada hari ini merupakan sebuah muzium terbuka dan ia mempunyai restoran, hotel, taman, sudut kopi dan tempat untuk mengadakan acara seperti majlis perkahwinan.

#### KESIMPULAN

Pada dasarnya, pembinaan caravanserai adalah sebagai tempat persinggahan sementara dan benteng pertahanan bagi menjamin keselamatan para pedagang dan pengembara yang melalui Laluan Sutera. Semakin lama, fungsi caravanserai semakin berkembang dengan memiliki pelbagai kemudahan sehinggakan ia mampu menjadi daya tarikan kepada para pelancong. Pelbagai usaha telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mengembalikan dan mengekalkan keunikan dan keindahan seni bina Islam yang terdapat pada caravanserai. Usaha yang diambil ini secara tidak langsung telah menjadi daya tarikan pelancong serta merangsang pertumbuhan kemasukan pelancong dari dalam dan luar negara untuk berkunjung di samping mengagumi keintelektualan yang dimiliki oleh arkitek-arkitek yang membangunkan pelan struktur bangunan caravanserai. Selain itu, pengiktirafan caravanserai sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO di beberapa buah caravanserai di Iran dan Turki juga turut melonjakkan potensi caravanserai sebagai destinasi pelancongan.

#### PENGHARGAAN

Kajian ini ditaja oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (FRGS/1/2020/SSI0/UKM/02/20).

#### RUJUKAN

##### Buku

- Hattstein, M., & Delius, P. (Pnyt.). 2004. *Islam: Art and Architecture*. Cologne: Könemann.
- Krawietz, B., & Riedler, F. 2019. *The Heritage of Edirne in Ottoman and Turkish times: continuities, disruption and reconnections. Volume 34 of studies in history and culture of the Middle East*. Berlin: Walter de Gruyter GmbH & Co.
- Moshtagh, K. 2008. *Art and architecture of Iran in ancient and Islamic Age*. Tehran: Azad Andishan-Karafarinan.
- Sims, E. 1995. *Trade and travel: markets and caravanserai*. Dlm: Michell, G. (pnyt.). *Architecture of the Islamic world its history and social meaning*. London: Hudson Ltd.

**Jurnal**

- Bakhtiari, S., & Allahyari, F. 2018. *Investigation and Analysis of the Experience of Isfahan in the Re-functionalization of Caravanserais as Tourist Facilities*. The Journal of Social Science Institute, (IWACT' 18 Special Issue): 23-44.
- Dinc, A., Cakir, R., Tanrikuliyew, Y., & Ozturk, N. 2012. *The Importance of Silk Road, and Merv in the Great Seljuk state's commercial life*. Journal of Business Management, 6(11): 4310- 4316.
- Hamrahi, H., & Manshad, Z. K. N. 2017. *Comparison of caravanserais of Azerbaijan and Isfahan based on Ghanli Bolagh Caravanserai in Ardabil and Madar Shah Caravanserai in Isfahan*. American Journal of Art and Design, 2(1): 30-37.
- Mirgholami, M., Hashempour, P., & Pishbin, A. 2014. *Spatial Configuration of Karavansara in Iranian Architecture and its Effect on Space Quality and Needs of Users, Case Study: Karavansara of Zeinedin*. Ciencia e Tecnica Vitivinicola Journal, 29(9): 256-276.
- Polat, N. 2018. *Creating New Touristic Fashion Routes with Caravanserais on the Ancient Silk Road in Turkey*. Journal of Tourism, Culture and Territorial Development, Special Issue (9): 213-224.
- Saoud, R. 2004. *Muslim Architecture under Ottoman Patronage (1326-1924)*. FSTC Limited. Julai: 1-26.
- Yenipar, U., & Capar, G. 2017. *Tourist Guiding on the Silk Route: Turkey as a Crossroad Country*. Developments in Social Sciences, 391-402.
- Yilmaz, H. M., Yakar, M., & Yildiz, F. 2008. *Documentation of Historical Caravansaries by Digital Close-Range Photogrammetry*. Automation in Construction, 17(4): 489-498.

**Prosiding**

- Gürani, F. Y., & Canbolat, T. Ö. 2012. *Aksaray Sultan han Caravanserais: a Study of Cultural Interactions and Sustainability Along the Silk Road*. Prosiding 2<sup>nd</sup> International Conference Archi-Cultural Translations through the Silk Road, Mukogawa Women's University. Nishinomiya, Japan, 14-16 Julai.

**Tesis**

- Abbasian, A. 2019. *Examining Authenticity in Adaptive Reuse of Iranian Caravanserais for Tourism: Comparative Assessment of Two Cases from Safavid Era*. Tesis Sarjana Eastern Mediterranean University (EMU), Famagusta, Turkey.
- Kutlu, M. 2009. *Seljuk Caravanserais in the Vicinity of Denizli: Han-Abad (Çardakhan) and Akhan*. Tesis Sarjana Bilkent University, Ankara, Turkey. <http://repository.bilkent.edu.tr/handle/11693/29992>
- Önge, M. 2004. *Restoration of Zazadin Han a 13th Century Seljukid Caravanserai Near Konya*. Tesis Sarjana Middle East Technical University, Ankara, Turkey.

**Internet**

- Daily Sabah. 2019. Turkey's largest caravanserai on historic Silk Road to open to visitors. <https://www.dailysabah.com/history/2019/09/19/turkeys-largest-caravanserai-on-historic-silk-road-to-open-to-visitors> (diakses pada 12 April 2021).
- Dogan, A. 2019. Turkey: ancient caravansary opens doors to tourism. <https://www.aa.com.tr/en/culture/turkey-ancient-caravansary-opens-doors-to-tourism/1553508> (diakses pada 12 April 2021).
- Hurriyet Daily News. 2019. Seljuk caravanserai strikes tourists' interest. <https://www.hurriyetaidailynews.com/seljuk-caravanserai-strikes-tourists-interest-146875> (diakses pada 12 April 2021).
- Kiani, M. Y., & Kleiss, W. 1990. Caravansary. Encyclopedia Iranica. <https://iranicaonline.org/articles/caravansary> (diakses pada 1 April 2021).
- National Geographic. 2022. Caravanserai. National Geographic Encyclopedia Entry. <https://education.nationalgeographic.org/resource/caravanserai> (diakses pada 1 April 2021).

- Oxford University Press. 2018. Caravanserai. Encyclopedia.com. <https://www.encyclopedia.com/literature-and-arts/art-and-architecture/architecture/caravanserai> (diakses pada 1 April 2021).
- Tehran Times. 2017. Maranjab: combination of desert, nature and history. <https://www.tehrantimes.com/news/411613/Maranjab-Combination-of-desert-nature-and-history> (diakses pada 7 April 2021).
- Tehran Times. 2021. Maranjab Caravanserai one step closer to UNESCO status. <https://www.tehrantimes.com/news/456480/Maranjab-caravanserai-one-step-closer-to-UNESCO-status> (diakses pada 4 April 2021).
- UNESCO. t.th. Caravanserais: Cross-Roads Of Commerce And Culture Along The Silk Roads. <https://en.unesco.org/silkroad/content/caravanserais-cross-roads-commerce-and-culture-along-silk-roads> (diakses pada 1 April 2021).

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*